



PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

EKSEKUTIF

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI SIRI 1 NO 1 TAHUN 2011 PELAKSANAAN PROGRAM PEGAWAI INTEGRITI BERTAULIAH

Program CeIO ialah pensijilan profesional yang memperkukuh tadbir urus agensi awam, Syarikat Berkepentingan Kerajaan (SBK) dan sektor swasta dengan melahirkan pegawai berkeelayakan, kompeten dan beretika yang mampu merancang, melaksana dan memantau inisiatif integriti secara berkesan bagi memupuk budaya integriti serta mencegah rasuah, salah laku dan penyalahgunaan kuasa.

SYARAT PERMOHONAN

Dicalonkan atau disokong oleh Pengarah;

- Pegawai Skim P Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (P&P)
- Pengalaman kerja tidak kurang daripada 12-15 tahun dan
- Bebas daripada prosiding atau hukuman tatatertib **DAN**
- Mempunyai prestasi perkhidmatan yang cemerlang

OBJEKTIF PROGRAM

MELAHIRKAN CEO YANG:



Berkelayakan dan kompeten dalam pengurusan tatakelola dan mampu memimpin perubahan dalam memerangi rasuah serta memperkukuh amalan integriti organisasi



Mampu mengenal pasti, menganalisis, dan menguruskan risiko berkaitan dengan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan serta ketidakpatuhan dalam organisasi



Mampu melaksanakan program integriti yang lebih sistematik dan efektif bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan



Bertindak sebagai penasihat utama kepada kepimpinan organisasi dalam pengurusan integriti, etika kerja, pencegahan rasuah, pengurusan risiko serta kawalan dalaman terhadap salah guna kuasa, penyelewengan dan kelemahan pentadbiran

TEMPOH PROGRAM



YURAN PROGRAM

**DITANGGUNG OLEH
MACA**

1

Pengenalan
Prinsip Integriti
Dan
Perundangan



2

Pengurusan
Aduan dan
Pengesanan &
Pengesahan



3

Strategi
Pencegahan
Melalui
Pematuhan,
Pengukuhan
Integriti Dan
Governans



4

Kawalan
Dalaman:
Pembangunan
Pelan Antirasuah



MODUL PROGRAM

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir program, peserta akan dapat:



Memimpin perubahan organisasi bagi memperkukuh tadbir urus dan integriti



Mengenal pasti dan mengurus risiko rasuah, salah laku dan ketidakpatuhan



Melaksanakan program integriti dengan berkesan bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan



Memberi nasihat kepada kepimpinan mengenai etika, pengurusan risiko dan kawalan dalaman

MINIMUM KEHADIRAN



Kehadiran kurang daripada
80%, akan gagal secara
AUTOMATIK

PUSAT PEMBANGUNAN INTEGRITI KORPORAT (CIDC)

AKADEMI PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA
PERSIARAN SYED SIRAJUDDIN
JALAN TUANKU ABDUL HALIM
50480 KUALA LUMPUR

cidc@sprm.gov.my
03-6209 2959